

04/10/2002

SSM: Tempoh sebulan buat pilihan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kakitangan perkhidmatan awam diingatkan supaya membuat pilihan dalam tempoh sebulan ini mulai 1 Oktober lalu sama ada menerima Sistem Saraan Malaysia (SSM) atau kekal di bawah Sistem Saraan Baru (SSB).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata surat tawaran atau opsyen SSM sudah diedar kepada hampir sejuta kakitangan awam bagi membolehkan mereka membuat pilihan sebelum sistem baru itu dilaksanakan sepenuhnya 1 November depan.

Beliau menggalakkan penerimaan SSM kerana sebarang pengubahsuaian bagi menambah kemudahan untuk manfaat kakitangan awam pada masa depan akan berlandaskan sistem baru itu.

"Saya memang menasihatkan agar semua kakitangan awam menerima SSM kerana jika ia hendak diubah, maka ia akan diubah kepada sistem yang baru dan SSM juga lebih terperinci berbanding SSB yang agak ketinggalan," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Tinta Kencana 2002, di sini hari ini.

Pada 30 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan SSM yang menggantikan SSB memberi lebih banyak faedah, terutama bagi meningkatkan kecekapan dan pengetahuan serta peluang pengembangan kerjaya kepada kakitangan awam.

Menerusi SSM, penilaian kecekapan kakitangan dibuat melalui peperiksaan atau kursus yang diwajibkan bagi menentukan kemajuan kerjaya dan gaji tahunan, selain laporan prestasi serta pengakuan ketua jabatan.

SSM adalah dasar ketiga diperkenalkan kerajaan selepas SSB yang diperkenalkan pada 1992 bagi menggantikan skim perkhidmatan mengikut laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet sejak 1976.

Samsudin berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang bantahan rasmi kakitangan awam mengenai SSM.

"Saya tidak terima aduan atau bantahan, jadi saya menganggap semua kakitangan bersetuju dengan sistem baru ini," katanya.

Bagaimanapun, beliau hairan dengan kerisauan sesetengah pihak, termasuk Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang tidak berpuas hati kerana pergerakan gaji secara menegak dan melintang tidak lagi diambil kira dalam SSM sedangkan sebelum ini ia turut dibantah.